

PALESTIN-MAHATHIR R'R'R'
(1)

1783

KUALA LUMPUR, 3 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYERU MASYARAKAT ANTARABANGSA, KHASNYA PENYOKONG-PENYOKONG ISRAEL SUPAYA MENGENAKAN TEKANAN YANG BERKESAN KE ATAS PENTADBIRAN TEL AVIV UNTUK MENGHENTIKAN KEDEGILAN DAN KEGANASANNYA DALAM USAHA MENYELESAIKAN MASALAH PALESTIN.

PERDANA MENTERI BERKATA PARA PENYOKONG ISRAEL YANG MENDAKWA JAGUH DALAM MENEGAKKAN HAK ASASI MANUSIA KINI HARUS MENGENEPIKAN SIKAP PURA-PURANYA DAN TALAM DUA MUKA DALAM MENGENDALIKAN ISU-ISU TERSEBUT.

+RAKYAT PALESTIN SUDAH CUKUP MENDERITA. SEKIRANYA KITA MEMPUNYAI SIKAP PERI KEMAMUSIAAN KITA HARUS BERUSAHA UNTUK Mencari satu penyelesaian untuk menamatkan ketidakadilan ini kerana mereka tidak bersalah tetapi semata-mata kerana pihak-pihak lain ingin memuaskan kehendak mereka+, Tambahnya.

PERDANA MENTERI BERUCAP MERASMIKAN PEMBUKAAN PERSIDANGAN ASIA MENGENAI PALESTIN ANJURAN BANGSA-BANGSA BERSATU DI SINI.

-- LAGI 1151/00

ZCZC B518

PALESTIN-MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

KIRA-KIRA 300 ORANG PERWAKILAN DAN PEMERHATI DARI 40 NEGARA SERTA PERTUBUHAN ANTARABANGSA MENGHADIRI SIDANG LIMA HARI ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENSIFATKAN MASALAH PALESTIN YANG TIADA BANDINGNYA DALAM SEJARAH YANG SUATU KEADAAN POLITIK DIWUJUDKAN UNTUK MENGGANTIKAN SEBUAH NEGARA YANG HAK.

APA YANG LEBIH BURUK KATANYA IALAH BADAN POLITIK YANG BARU ITU DIBEKALI DENGAN SENJATA-SENJATA MAUT UNTUK MENYERANG RAKYAT YANG DIRAMPAS HAKNYA. -- LAGI 1QTUXOD

PALESTIN-MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

BELIAU MEMBERI PENJELASAN BAHAWA MASYARAKAT DUNIA MESTILAH BERDIRI TEGUH DALAM PENJUNJUNGAN PRINSIP-PRINSIP ASASI BAHAWA PENCEROBOHAN TIDAK LAGI DAPAT MENYELESAIKAN PERTIKAIAN KAUM ATAUPUN NASIONAL.

+KITA MESTILAH MEMBERHENTIKAN PENCEROBOHAN. KITA MESTILAH MENJELASKAN KEPADA ISRAEL MENERUSI TINDAKAN KITA BAHAWA MEREKA TIDAK BOLEH LAGI MENERUSKAN+SIKAP PERMUSUHAN MEREKA+, KATANYA.

BEGITULAH JUGA, +KITA MESTILAH MENJELASKAN KEPADA PIHAK-PIHAK YANG LAIN YANG TELAH MENCABULI PRINSIP-PRINSIP INI BAHAWA MEREKA MESTILAH MEMBERHENTIKAN DAN JANGAN MELAKUKAN TINDAKAN SEPERTI ITU+, TEGASNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA RAKYAT PALESTIN ADALAH RAKYAT DAN MEREKA ADALAH SATU ENTITI YANG TERSENDIRI.

+MEREKA MEMANG PATUT MENDAPAT HAK UNTUK TANAH AIR MEREKA SENDIRI DAN UNTUK WUJUD SEBAGAI ANGGOTA MASYARAKAT ANTARABANGSA YANG MEMPUNYAI KEDAULATAN DAN DIGNITI.

+SELAGI PENGIKHTIRAFAN INI TIDAK DIBERIKAN, MAKA TIDAK AKAN WUJUD KEAMANAN YANG BERKEKALAN DI RANTAU TERSEBUT. JIKA MASALAH ORANG-ORANG PALESTIN DAPAT DISELESAIKAN, MAKA IA MENJADI KEPENTINGAN ISRAEL JUGA+, KATANYA. -- LAGI 1204/00

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAH MENTOR ISRAEL SENDIRI MESTILAH MENGHARGAI PERKARA INI.

BELIAU MENAMBAH KATA MASALAH PALESTIN ADALAH MASALAH KEADILAN DAN MASALAH KESELAMATAN DI SELURUH DUNIA DAN SOAL ITU HENDAKLAH DIBELESAIKAN DEMI KEPENTINGAN KEMANUSIAAN.

KATANYA TIDAKLAH DAPAT DIPERCAYAI BAHAWA DALAM ZAMAN WILAYAH-WILAYAH TERJAJAH TELAH MENCAPAI KEMERDEKAAN ATAUPUN SEDANG DALAM PROSES KEMERDEKAAN DAN KEDAULATAN, RAKYAT PALESTIN PULA BUKAN SAHAJA TELAH DINAFIKAN KEMERDEKAAN MEREKA,

PERDANA MENTERI MENEGASKAN MASYARAKAT DUNIA, JIKA MEREKA TERLIBAT KEPADA PRINSIP KEBEBASAN DAN BEKERJAAN SENDIRI, MESTILAH MEMPASTIKAN BAHAWA RAKYAT PALESTIN MENDAPAT HAK-HAK MEREKA UNTUK MENDAPAT SEBUAH NEGARA MEREKA YANG MERDEKA.

+TIDAKLAH BERMORAL BAGI BEBERAPA BUAH NEGARA DI BANGSA-BANGSA BERSATU MEMINTA RAKYAT PALESTIN ATAUPUN WAKILNYA, PERTUBUHAN PEMBEBASAN PALESTIN SUPAYA MENYERTUJUI SYARAT AWAL YANG SAMALAH SEPERTI MENYERAH DIRI. -- LAGI 1210/0D

PALESTIN-MAHATHIR 5 KUALA LUMPUR

MALAH LEBIH SALAH LAGI KLAU TIDAK MENGIKHTIRAF PLO DISEBABKAN OLEH BEBERAPA TINDAKAN KEGANASAN OLEH ORANG-ORANG YANG MENDAKWA DIRI MEREKA SEBAGAI ANGGOTANYA, LEBIH-LEBIH LAGI APABILA KETUA PENGGANAS ISRAEL YANG SEKARANG DIAKUI SEBAGAI PERDANA MENTERI ISRAEL, KATANYA.

BELIAU BERKATA SIKAP TALAM DUA MUKA SEPERTI INILAH YANG MENYEBABKAN BERLAKUNYA PEMBUNUHAN BERAMAI-RAMAI DI SABRA DAN SHATILLA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYERU PERSIDANGAN TERSEBUT SUPAYA MENGELUARKAN HASIL YANG KONKRIT BAGI PERSIDANGAN ANTARABANGSA SEBENARNYA YANG AKAN DIADAKAN DI PARIS BULAN OGOS.

BAGAIMANAPUN, BELIAU MENEGASKAN DALAM APA RUNDINGAN SEKALI PUN, PLO MESTILAH TERMASUK SAMA.

MENURUTNYA INI ADLAH PENTING SEKIRANYA PENDEKATAN YANG DIJALANKAN SEKARANG BERDASARKAN KEPADA RANCANGAN FEZ ATAUPUN RANCANGAN DAMAI YANG LAIN, HENDAK BERJAYA. -- LAGI 1230/0D

PALESTIN-MAHATHIR 6 KUALA LUMPUR

+KITA MESTILAH MENERIMA BAHAWA PLO MEWAKILI SELURUH RAKYAT PALESTIN DAN IA MESTILAH TERMASUK DALAM SEMUA PERUNDINGAN MENGENAI PENYELESAIAN ASIA BARAT SEBAGAI SUARA TUNGGAL CITA-CITA RAKYAT PALESTIN+, KATANYA.

PERDANA MENTERI JUGA MENYATAKAN BAHAWA SATU UNSUR PENTING LAGI YANG HARUS DITERIMA IALAH APA JUGA RUNDINGAN YANG DIADAKAN MESTILAH BERMATLAMAT MEMBERIKAN KEWUJUDAN SEMULA SEBUAH NEGARA PALESTIN YANG MERDEKA.

BELIAU MENYERU KUASA-KUASA BESAR, LEBIH-LEBIH LAGI AMERIKA SYARIKAT SUPAYA MEMBUKTIKAN KEPADA RAKYAT PALESTIN DAN DUNIA AKAN KESEDIAAN DAN KEMAMPUAN MEREKA MENGGUNAKAN PENGARUH YANG BESAR TERHADAP ISRAEL BAGI MEMBAWA PENYELESAIAN YANG DAPAT DITERIMA DAN BERKEKALAN DI ASIA BARAT.

BELIAU BERKATA YANG MENJADI TERAS KEPADA PERKARA INI IALAH SOAL PENENTUAN NASIB SENDIRI RAKYAT PALESTIN DAN HAK UNTUK KEMBALI KE TANAH AIR MEREKA DI PALESTIN. -- LAGI 1234/0D

PALESTIN-MAHATHIR 7 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGINGATKAN PARA PERWAKILAN BAHAWA MASALAH PALESTIN TELAH BERLARUTAN BEGITU LAMA DAN MEREKA MESTILAH MENDEKATI MASALAH TERSEBUT DENGAN RASA KESEGERAAN DAN KETERLIBATAN YANG LEBIH BESAR.

+MARILAH KITA BERHARAP BEBERAPA SIRI PERSIDANGAN YANG DIADAKAN MENGENAI MASALAH PALESTIN AKAN MENDEKATKAN PENCAPAIAN YANG WAJAR DAN SAKSAMA+, KATANYA.

PERDANA MENTERI JUGA MEMBERITAHU MEREKA BAHAWA MEREKA MENGHADIRI PERSIDANGAN BUKANLAH DISEBABKAN MEREKA TERIKAT KEPADA RAKYAT PALESTIN KERANA BANGSA ATAU AGAMA, TETAPI KERANA +KITA PERCAYA KEPADA KEADILAN UNTUK SEMUA UMAT MANUSIA+.

+KITA BERTANGGUNGJAWAB KEPADA RAKYAT PALESTIN UNTUK MEMULIHKAN HAK DAN DIGNITI MEREKA.

+TIDAK ADA SEBIAPA PUN YANG RELA DISINGKIRKAN DARI BUMI TANAH AIR MEREKA, BAIK SECARA BERKEKALAN ATAU PUN SEMENTARA WAKUT SAJA, YANG SERINGKALI BERLAKU SEPERTI YANG DIALAMI OLEH RAKYAT PALESTIN.

+SUDAH PASTI DUNIA YANG MEMPUNYAI KESEDARAN BERSALAH TERHADAP LAYANAN BURUK YANG DILAKUKAN OLEH KAUM NAZI TERHADAP YAHUDI PADA MASA LALU, MESTILAH MEMPUNYAI KESEDARAN TERHADAP KETIDAKADILAN DAN PENINDASAN YANG SEDANG DIALAMI OLEH RAKYAT PALESTIN PADA ZAMAN KITA KINI+, TAMBAHNYA.

-- BERNAMA 1242/0D